



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 188 BIL. 36/2025**

**PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN RAYUAN BAGI PENEMPATAN DI KOLEJ
KEDIAMAN UNTUK SESI AKADEMIK 2025/2026**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kepada Semua Pelajar Kanan UMPSA.

Dimaklumkan bahawa permohonan rayuan penempatan Kolej Kediaman bagi Sesi Akademik 2025/2026 kini dibuka kepada pelajar kanan serta pelajar yang sedang menetap di Kolej Kediaman DHUAM, berikutan terdapat kekosongan selepas proses penempatan pelajar baharu bagi sesi Akademik 2025/2026.

Berikut merupakan maklumat penting berkaitan permohonan rayuan:

- 1. Tempoh Permohonan:**
9 Oktober 2025 (Khamis) hingga 10 Oktober 2025 (Jumaat)
- 2. Kaedah Permohonan:**
Permohonan rayuan hendaklah dibuat melalui pautan seperti berikut :-
(<https://forms.gle/JvaVJJUuztqoKfSM7>)
- 3. Dokumen Sokongan:**
Pelajar yang mempunyai alasan kukuh (seperti masalah kesihatan, kewangan dan lain-lain) dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan bagi membantu proses penilaian dan pertimbangan.
- 4. Keputusan Rayuan:**
Keputusan akan dimaklumkan secara rasmi pada **13 Oktober 2025 (Isnin)** melalui emel rasmi kepada pelajar berjaya selepas proses semakan dan pertimbangan selesai dilakukan.

Nota Penting:

- Rayuan akan dipertimbangkan bergantung kepada kekosongan semasa dan keutamaan keperluan.
- Pelajar dinasihatkan untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat.
- Bagi pelajar yang berjaya mendapat tawaran penempatan di dalam kampus, segala urusan perjanjian dan implikasi kewangan berkaitan penyewaan terdahulu adalah di bawah tanggungjawab pelajar. Pelajar tidak dibenarkan mengemukakan sebarang tuntutan kewangan kepada pihak universiti sekiranya ditawarkan penempatan di dalam kampus.

- Kapasiti penginapan pelajar yang boleh ditawarkan adalah **terhad** di kedua-dua kampus dan jumlah kekosongan semasa yang boleh ditawarkan kepada pelajar adalah seperti berikut:-

KAMPUS	JANTINA	
	LELAKI	PEREMPUAN
UMPSA PEKAN (KK5, KK MAWADAH, KK DHUAM)	20	250
UMPSA GAMBANG (KK1, KK2, KK3)	35	40
JUMLAH	50	290

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada pihak pengurusan kolej kediaman melalui emel rasmi: residen@umpsa.edu.my.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih

.Disediakan Oleh:

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 8 Oktober 2025